

31 MAY 2002

Hishammuddin-Matrikulasi/I

PEMUDA UMNO AKAN BINCANG KEMASUKAN BUKAN BUMIPUTERA KE MATRIKULASI

KUALA LUMPUR, 31 Mei (Bernama) -- Exco Pemuda Umno akan bertemu tidak lama lagi untuk membincangkan keputusan Kabinet memperuntukkan 10 peratus daripada tempat bagi kursus matrikulasi kepada pelajar-pelajar bukan Bumiputera, kata ketuanya Datuk Hishammuddin Tun Hussein hari ini.

"Kita akan membincangkan mengenainya...kami juga akan adakan pertemuan tidak rasmi bersama Perdana Menteri dan presiden Umno (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) petang ini," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan 'Malaysian Cyberchallenge 2002' di sebuah pusat membeli belah di sini.

Beliau berkata Pemuda Umno hanya akan mengeluarkan kenyataan mengenai hal berkenaan selepas kedua-dua pertemuan itu.

Sebuah akhbar bahasa Melayu hari ini memetik sumber-sumber bahawa Kabinet dalam mesyuarat minggunya pada Rabu telah memutuskan yang pelajar-pelajar bukan Bumiputera diperuntukkan 10 peratus daripada tempat bagi kursus matrikulasi bermula tahun depan.

Laporan itu disahkan oleh Pegawai Perhubungan Awam Kementerian Pendidikan (dasar dan pengurusan korporat) Julina Johan, menurut akhbar itu.

Buat masa ini kursus matrikulasi dikendalikan oleh 22 kolej di seluruh negara dan sejak 30 tahun lepas ia hanya terbuka bagi pelajar Bumiputera sahaja.

Ditanya apa yang akan dibincangkan di mesyuarat tidak rasmi bersama Dr Mahathir hari ini, Hishammuddin berkata exco pemuda Umno tidak akan menghadkan perbincangannya kepada isu matrikulasi sahaja.

Mesyuarat itu juga akan membincangkan hal-hal lain seperti penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran matapelajaran Matematik dan Sains, dan isu meritokrasi.

"Ia pertemuan biasa, tiada apa yang luar biasa tetapi ia hanya untuk mendapatkan gambaran lebih jelas apa yang akan berlaku," katanya.

Beliau berkata, pemuda Umno menerima hakikat terdapat kumpulan tertentu dalam masyarakat yang ketinggalan daripada segi ekonomi dan pendidikan, dan kerajaan mengambil langkah-langkah untuk membantu semua kaum.

"Kita perlu membantu mereka yang ketinggalan tanpa mengambil kira bangsa atau agama mereka," katanya.

Mengenai hal lain, Hishammuddin yang juga Menteri Belia dan Sukan berkata semua kelab sukan dan pertubuhan di negara perlu mengambil langkah-langkah untuk memperkenalkan pelbagai sukan lasak baru yang muncul dengan peredaran masa.

Beliau berkata kelab-kelab dan pertubuhan mesti mengejar perubahan dan pemikiran muda-mudi sekarang, dengan mereka lebih gemar menceburi permainan melalui Internet dan medium-medium lain berkaitan teknologi maklumat.

"Mereka hanya perlu memastikan dalam menganjurkan sukan-sukan baru ini nilai-nilai kita tidak boleh diketepikan...itu yang lebih penting," kata beliau.

Beliau berkata selain daripada ini, semua negeri perlu berusaha sendiri untuk membina kemudahan bagi menampung sukan tahan lasak, yang merupakan kegilaan baru di kalangan pemuda sekarang.

-- BERNAMA

SR HK PR